

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 OKTOBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 39

Peruntukan pembangunan terbesar dalam sejarah RM95b

Peruntukan pembangunan terbesar dalam sejarah RM95b

Pelaksanaan projek mega sektor pengangkutan terus diutamakan

BAJET
2023

untuk manfaat rakyat di negeri itu, manakala Pan Borneo Sabah pula bakal siap menjelang 2024.

Bajet 2023 menyediakan peruntukan pembangunan terbesar dalam sejarah negara iaitu sebanyak RM95 billion, meningkat dengan ketara berbanding peruntukan 2022 sebanyak RM75.6 billion dan RM64 billion pada 2021.

Peruntukan yang besar ini adalah bagi menyokong pembangunan negara dengan lebih terangkum dan mengurangkan jurang di antara wilayah walaupun berhadapan dengan kekangan fiskal.

Sebanyak RM16.5 billion akan disediakan bagi sektor pengangkutan melalui projek infrastruktur utama, terutama Lebuhraya Pan Borneo, Landasan Kereta Api Berkembar Gemas-Johor Bahru, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), RTS Link dan Central Spine Road.

Jajaran Pan Borneo di Sarawak juga dijangka siap sepenuhnya

untuk manfaat rakyat di negeri itu, manakala Pan Borneo Sabah pula bakal siap menjelang 2024.

Usaha tingkat kualiti
Bagi meningkatkan kualiti penyampaian serta menyediakan persekitaran yang kondusif, kerajaan turut mengutamakan keperluan pembaikan dan penyeleggaraan aset termasuk jalan raya persekutuan serta bangunan kerajaan dengan peruntukan RM11.4 billion.

Projek Mass Rapid Transit (MRT) 2 Fasa 2 membabitkan stesen Kampung Batu ke Putrajaya Sentral juga sudah hampir siap dan dijangka mula beroperasi pada Januari 2023.

Bagi projek MRT3 pula, ia adalah komitmen kerajaan bagi melengkapkan rangkaian rel Kuala Lumpur dengan jajaran sepanjang 50.8 kilometer.

MRT3 Fasa 1 dijangka siap pada 2028 manakala Fasa 2 pada 2030 membabitkan kos sebanyak RM50.2 billion dengan unjuran perbelanjaan 2023 sebanyak RM3.3 billion.



Infrastruktur utama dipertingkat bantu kurangkan jurang ekonomi antara wilayah